



SIARAN MEDIA

21 OKTOBER 2017

MALAYSIA MERANGKUL DUA (2) ANUGERAH DI MAJLIS ANUGERAH SAINS DAN TEKNOLOGI ASEAN :

SEMPENA MESYUARAT MENTERI - MENTERI SAINS DAN TEKNOLOGI ASEAN KALI KE-17 (AMMST-17), NAY PYI TAW, MYANMAR

KUALA LUMPUR, 21 Oktober 2017 – Malaysia merangkul dua (2) anugerah di Majlis Anugerah Sains dan Teknologi ASEAN di Malam Gala sempena Mesyuarat Menteri-menteri Sains dan Teknologi ASEAN Kali Ke-17 (AMMST -17), Nay Pyi Taw, Myanmar.

Anugerah ini membuktikan pengiktirafan ASEAN bagi penyelidik dan saintis Malaysia.

Dua anugerah tersebut adalah **ASEAN Outstanding Scientist and Technologist Award (AOSTA)** yang telah dimenangi oleh **Ir. Dr. Hafizal bin Mohamad** dari **Malaysian Institute of Microelectronic Systems (MIMOS)** dan membawa pulang hadiah kemenangan berbentuk wang tunai berjumlah USD10,000; juga **ASEAN Meritorious Service Award (AMSA)** yang telah dimenangi oleh **Dr. Leong Wai Yie** dari **Tunku Abdul Rahman University College (TAR UC)** serta membawa pulang hadiah kemenangan berbentuk wang tunai berjumlah USD10,000 dan trofi.

Majlis Pengiktirafan dan Penyampaian Anugerah kepada saintis serta teknologis dari negara-negara ASEAN ini telah disaksikan oleh Menteri-Menteri serta wakil – wakil dari Negara Anggota ASEAN dan rakan dialog.

Ir Dr. Hafizal menyatakan bahawa komuniti saintifik di Malaysia sedang berkembang pesat di mana beliau telah menerima beberapa pengiktirafan di peringkat antarabangsa. Semasa ditemubual, beliau juga gembira kerana telah memperolehi satu lagi anugerah yang mengiktiraf usaha kami. “Mempunyai latar belakang ‘basic research’ dan ‘applied research’, saya bernasib baik kerana dapat menghargai perbezaan dan cabaran di kedua-dua belah pihak. Saya juga bersyukur kerana dikelilingi oleh rakan sekerja yang berbakat dan rakan kolaborasi yang sentiasa menyokong usaha saya”, ujar beliau.

Fokus tema 2017 bagi anugerah tersebut adalah penggunaan *biotechnology, microelectronics and information technology, or material science and technology* bagi mengatasi isu-isu berikut;

- i. *Rapid urbanization with a focus on health such as disease spread and mutation, counterfeit medication or health care access;*
- ii. *Rapid urbanization with focus on improving transportation and infrastructure;* dan
- iii. *Workforce development and retention with focus in safety in the workplace(health, machinery safety, pollution in formal sector).*

Pada Malam Gala yang sama, Penyelidik Malaysia, **Professor Chong Mei Fong** dari **Nottingham University (Kampus Malaysia)** telah disenarai pendek daripada 60 peserta sebagai dua calon utama (Malaysia dan Vietnam) bagi merebut anugerah **ASEAN-US Prize For Woman**. Semasa malam gala tersebut, beliau telah diumumkan sebagai **pemenang tempat kedua dengan hadiah wang tunai bernilai USD5,000.**

Professor Chong turut menzahirkan penghargaan kepada Kerajaan di atas sokongan yang diterima selama ini menerusi pelbagai geran penyelidikan. Projek pertama beliau telah dibiayai oleh ‘Science Fund’

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dengan kos sebanyak RM202,000.

"Saya gembira diiktiraf sebagai salah seorang saintis wanita terkemuka oleh ASEAN-US Prize for Woman, dan saya menghargai sumbangan saya kepada masyarakat dengan cara yang lebih baik dan mampan untuk diiktiraf dan diraikan. Saya percaya saya boleh menjadi contoh wanita berkerjaya dalam sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik adalah salah satu perkara yang menyerlahkan kejayaan saya. Sebagai salah seorang professor muda, saya akan terus mengetuai pasukan saya untuk menyelidik dan mewujudkan persekitaran pekerjaan yang lebih baik selaras dengan aspirasi ASEAN."

Keseluruhannya, Malaysia telah mencatatkan pencapaian yang membanggakan dengan mengungguli tiga (3) daripada empat (4) anugerah yang disampaikan pada Majlis Penganugerahan tersebut. Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau amat gembira dan bangga dengan pencapaian saintis muda negara serta yakin bahawa agenda STI yang diterajui Malaysia diiktiraf oleh negara serantau seterusnya melonjakkan kredibiliti Malaysia untuk bersaing dengan negara-negara maju. Beliau turut menggalakkan lebih ramai penyertaan pada masa depan.

-TAMAT-

Maklumat Lanjut, sila hubungi:

**Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
Telefon: 03-8885 8822 / 012-9075 372 (Akmal) / 017-
6826205 (Azmie)
Faks: 03-8890 3092
Emel: ukkdist@mosti.gov.my**